

# Kerajaan tidak lelong lesen telekomunikasi 3G

BH, 05 OCT 2001

KERAJAAN tidak akan memilih kaedah lelongan dalam pemberian lesen perkhidmatan telekomunikasi generasi ketiga (3G) kerana ia terbukti menyebabkan kenaikan kos dan menimbulkan masalah kepada syarikat yang memperolehnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun kerajaan masih belum memutuskan kaedah pemberian lesen, tetapi ia akan memastikan syarikat telekomunikasi yang diberikan lesen itu kelak mampu membuat keuntungan.

Beliau berkata, apabila syarikat berkenaan membuat keuntungan, kerajaan turut memperoleh manfaat menerusi kutipan cukai.

"Kami tidak akan melelong lesen (3G), tetapi kami mahu memastikan syarikat telekomunikasi yang diberikan lesen itu untuk beroperasi, mereka boleh membuat keuntungan dan apabila mereka membuat keuntungan kerajaan akan untung kerana boleh mengutip cukai," katanya ketika berdialog dengan peserta Sidang Kemuncak AKSI Ketua Eksekutif 2001 di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri berkata, pengalaman menggunakan kaedah lelongan lesen 3G di luar negara setakat

ini membuktikan kerajaan negara terbabit memperoleh tawaran yang besar daripada syarikat telekomunikasi bagi mendapatkan lesen berkenaan.

Tetapi, beliau berkata, ia mengakibatkan kos syarikat telekomunikasi yang memperolehnya meningkat dan mereka kini sedang bergelut dengan masalah.

"(Namun di Malaysia) kerajaan percaya bahawa mendapatkan wang terlebih dahulu bukanlah begitu penting sekali. Memperoleh kejayaan di masa akan datang adalah apa yang penting kepada kita," tegasnya.

3G adalah rangkaian telefon mudah alih generasi akan datang yang membolehkan video, audio dan data dihantar pada kelajuan lebih pantas daripada rangkaian telefon mudah alih ketika ini.

April lalu, Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Chia Kwang Chye, berkata keputusan kerajaan mengenai memberi lesen 3G hanya akan dilaksanakan menjelang akhir tahun ini.

Dalam dialog itu, Dr Mahathir juga berkata, ketika penggunaan 3G belum lagi meluas di seluruh dunia, terdapat pula teknologi jalur lebar tanpa

wayar yang boleh membuat komunikasi yang mudah dan pantas tetapi pada kos yang terlalu tinggi.

"Bentuk komunikasi ini hanya memerlukan pemasangan antena untuk menjangkau ke seluruh dunia, malangnya kita dihalang oleh syarikat telekomunikasi yang telah melabur banyak dalam talian darat dan tidak begitu berminat dalam komunikasi tanpa wayar ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan selama ini melindungi pelaburan talian darat syarikat telekomunikasi tempatan tetapi dengan kemajuan pantas dalam teknologi, kerajaan percaya Malaysia tidak boleh bergerak ke hadapan jika ia bergantung kepada prasarana telekomunikasi yang ketinggalan zaman.

Dr Mahathir berkata, Kabinet membincangkan perkara itu kelmarin supaya negara boleh bergerak ke hadapan lebih pantas.

"Kita percaya kita perlu membuat langkah yang mungkin menyebabkan setengah syarikat telekomunikasi menanggung sedikit kerugian (ke atas pelaburan darat mereka) tetapi ia (teknologi jalur lebar tanpa wayar) adalah perlu," tegasnya.